

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA  
PERTANYAAN LISAN**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB. DATO' SERI DR. WAN AZIZAH BIN WAN  
ISMAIL (PERMATANG PAUH)**

**TARIKH : 15 MAC 2016 (RABU)**

**NO. RUJUKAN :**

**SOALAN:**

**YB. DATO' SERI DR. WAN AZIZAH BIN WAN ISMAIL [ PERMATANG PAUH ]** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan memandangkan aktiviti pembalakan telah merosakkan alam sekitar, apakah tahap pelaksanaan penanaman semula ke atas kawasan hutan yang ditebang, peratusan penanaman semula bagi setiap negeri serta sejauh mana tahap pencemaran alam sekitar yang terkesan akibat aktiviti pembalakan ini.

## **JAWAPAN :**

Tuan Yang di-Pertua,

Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) memantau pembalakan dalam kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK) manakala bagi pembalakan di Tanah Kerajaan dan Tanah Bermilik pihak JPSM hanya bertanggungjawab dalam urusan pengeluaran lesen pembalakan sahaja. Ini adalah kerana aktiviti pembalakan yang dilaksanakan di kawasan hutan Tanah Kerajaan dan Tanah Bermilik adalah di bawah kuasa Kerajaan Negeri.

Aktiviti pembalakan dalam HSK hanya dilaksanakan dalam Hutan Pengeluaran berdasarkan amalan Pengurusan Hutan Secara Berkekalan dengan menggunakan Sistem Pengurusan Memilih (*Selective Management System*) dan Pembalakan Impak Rendah (*Reduced Impact Logging*). Pihak JPSM sentiasa memantau aktiviti pembalakan yang dijalankan di dalam HSK agar ianya mematuhi garis panduan serta standard Kriteria dan Petunjuk Malaysian (*Malaysian Criteria And Indicators for Forest Management Certification (Natural Forest)*) [MC&I (Natural Forest)]. Ini bagi memastikan impak kesan pembalakan terhadap alam sekitar adalah terkawal dan pada tahap minimum. Di samping itu, pihak Kementerian sentiasa memantau tahap pencemaran alam sekitar yang terkesan akibat aktiviti pembalakan ini.

Bagi memulihkan semula kawasan yang rosak akibat pembinaan infrastruktur dalam kawasan pembalakan, Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia melalui pelesen pembalakan telah melaksanakan aktiviti penanaman semula kawasan tersebut.

Sepanjang Rancangan Malaysia Kesepuluh, (2011 hingga 2015) seluas 4,477 hektar kawasan diusahasil dalam HSK telah berjaya ditanam dengan spesies berkualiti dan bermutu. Penanaman semula di kawasan yang telah diusahasil bagi setiap negeri adalah seperti berikut:

**Jadual Status Tanaman Semula Dalam Kawasan Usahasil bagi Tempoh 2011-2015**

Negeri	Keluasan HSK diusahasil (Ha)	Keluasan ditanam (Ha)	Peratus (%)
Johor	4,086	183	4.48
Kedah	14,239	650	4.56
Kelantan	23,234	80	0.34
Negeri Sembilan	3,196	184	5.76
Pahang	67,998	1,480	2.18
Perak	34,946	1,240	3.55
Selangor	0	248	-
Terengganu	25,265	286	1.13
Melaka	133	0	-
Perlis	0	105	-
Pulau Pinang	0	21	-
<b>JUMLAH</b>	<b>173,097</b>	<b>4,477</b>	<b>2.58</b>

Sekian, terima kasih.